


Konsep 'Bandar Selamat' untuk kesejahteraan dan keselamatan rakyat

S.H 26/01/08 M153

■ AZIE YAHAYA



DR MOHAMAD KHIR TOYO



Konsep 'Bandar Selamat' telah ditanjang oleh kerajaan negeri di setiap PBT dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan rakyat di negeri Selangor.

Info:

KEMENTERIAN Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerusi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) telah memperkenalkan konsep bandar selamat yang mempunyai empat ciri-ciri utama.

Ciri-ciri itu adalah pengujudan sebuah bandar yang bebas dari semua ancaman fizikal, sosial dan mental; persekitaran yang sentiasa dalam keadaan paling terpelihara selain tidak menimbulkan suasana yang boleh menggalakkan kejadian mengganggu-gugat kesejahteraan setempat.

Bandar selamat juga menjanjikan supaya penghuni sentiasa berada dalam keadaan yang paling selamat, sejahtera,

KEJADIAN jenayah yang berlaku sejak akhir-akhir ini amat membimbangkan. Hampir saban hari kita disajikan dan disogokkan dengan pelbagai kejadian jenayah yang boleh sahaja membangkitkan perasaan takut orang ramai terhadap tahap keselamatan awam khususnya di bandar-bandar besar.

Guru dibunuh dalam perjalanan ke sekolah dan gadis yang dibunuh dan dirogol dalam perjalanan ke tempat kerja adalah antara kejadian jenayah yang bisa meruntun hati kita semua. Jenayah ragut yang ada kalanya berakhir dengan kematian merupakan kejadian jenayah yang semakin mendapat perhatian.

Kejadian jenayah sering dikaitkan dengan kawasan bandar yang se-

an telah pun memasang CCTV di beberapa lokasi strategik.

Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sejumlah RM3.6 juta setahun bagi membiayai pe-

nyawang" ielannya

langkah yang dibuat oleh Kerajaan

kan dengan kawasan bandar yang sebenarnya berisiko tinggi berbanding dengan kawasan lain. Hakikat ini tidak dapat disangkal justeru perlu tambahan penduduk yang semakin pesat dan desakan hidup yang semakin meningkat mendorong kepada peningkatan perlakuan jenayah.

Bagi mengurangkan kejadian jenayah ini, konsep bandar selamat perlu diberikan perhatian yang sewajarnya.

Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor telah merancang konsep Bandar Selamat di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan rakyat di negeri ini.

Antara salah satu program Bandar Selamat ialah dengan pemasangan sebanyak 200 kamera litar (CCTV) di lokasi-lokasi yang banyak berlakunya kejadian jenayah di kawasan PBT yang telah dikenalpasti.

Setakat ini beberapa PBT yang bertaraf bandar raya dan perbandar-

an memerlukan sejumlah RM3.6 juta setahun bagi membiayai penyediaan perkhidmatan CCTV bagi PBT di negeri Selangor dalam meningkatkan keberkesanan penggunaan CCTV dan sekali gus membantu PBT yang kurang berkemampuan.

Menteri Besarinya, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata, cadangan berkenaan bertepatan dengan rancangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mengarahkan PBT menggunakan sebahagian daripada peruntukan tahunan daripada kerajaan persekutuan untuk memasang CCTV di kawasan mereka.

"Semua PBT dikehendaki menerima pakai konsep bandar selamat termasuk dari aspek perancangan fizikal dan kelulusan pelan yang mampu mengelak daripada wujudnya tempat yang boleh mengundang jenayah.

"Konsep 'Bandar Selamat' ini penting bagi meminimumkan peluang-peluang berlakunya jenayah serta mewujudkan kehidupan selamat dalam persekitaran masyarakat pe-

nyayang," jelasnya.

Tambahnya, lagi 'Bandar Selamat' boleh menjadi satu pendekatan yang efektif bagi membantu mengawasi peningkatan kes jenayah melalui penyertaan pelbagai kumpulan yang terbabit dalam usaha memajukan masyarakat.

Dalam pada itu, skop pelaksanaan program bandar selamat pastinya tertumpu pada matlamat utamanya iaitu tindakan yang menjurus kepada jenayah (crime prevention), khususnya pencegahan jenayah harta benda dan nyawa di kawasan bandar-bandar utama.

Konsep ini juga adalah perlu dan relevan terutama dalam usaha pencegahan jenayah lebih-lebih lagi ketika kita menghadapi kegawatan ekonomi yang mungkin menyebabkan peningkatan kadar kes jenayah ini akibat desakan hidup.

"Pencegahan jenayah melalui persekitaran yang direka bentuk adalah cadangan yang harus diberi pertimbangan serius oleh pihak berkuasa.

"Pendekatan ini membawa contoh baik dan rakan kongsi yang positif di antara kerajaan dan rakyat ke arah mempertingkatkan keselamatan di kawasan perumahan, bandar raya, pusat-pusat rekreasi, taman dan sistem pengangkutan," katanya.

Bagi merealisasikan hasrat ini, kerajaan negeri akan melaksanakan program ini dalam empat (4) fasa dan pemasangannya akan disiapkan selawat-lewatnya pada hujung Oktober 2008 ini.

Konsep "Bandar Selamat" juga merupakan langkah yang perlu diberi perhatian serius oleh daerah-daerah yang sudah berstatus bandar-bandar raya bagi mendapatkan satu hala cara yang boleh dilaksanakan.

Bagi kita di Malaysia, seharusnya

langkah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor ini wajar diikuti juga oleh negeri-negeri lain.

Sudah tiba masanya kita mewujudkan bandaraya-bandaraya yang selamat dan bebas dari jenayah.

Apa yang kerajaan perlu pertimbangkan ialah untuk mengenal pasti bandar berkenaan, sama ada Kuala Lumpur atau bandar lain, di mana projek perintis 'Bandar Selamat' boleh dilaksanakan.

Konsep ini bukan sahaja boleh mewujudkan suasana harmoni dengan semangat kejiranan di bandar malah mengurangkan kadar jenayah terutama yang membabitkan golongan remaja.

Namun begitu, tentu sekali pelbagai aspek perlu diambil kira bagi memastikan kejayaan konsep yang dicadangkan ini dapat mencapai objektif utamanya.

Oleh yang demikian, pelaksanaan ia memerlukan penyertaan dan sokongan padu orang ramai. Ini adalah kerana selain penekanan kepada faktor keselamatan, semangat kejiranan yang perlu diamalkan; tanggungjawab menjaga ketenteraman adalah tanggungjawab bersama.

Tanggungjawab untuk menjaga keamanan dan ketenteraman tidak boleh diletakkan di bahu pihak berkuasa sahaja sebaliknya orang ramai perlu bekerjasama memainkan peranan masing-masing bagi memastikan konsep 'Bandar Selamat' mencapai objektifnya.

Tambah beliau, orang ramai tidak harus meletakkan tanggungjawab menjaga ketenteraman awam kepada bahu pihak berkuasa sahaja.

"Orang ramai perlu membuang sifat individual dan materialistik mereka bagi memastikan rancangan Bandar Selamat ini mencapai objektifnya," katanya lagi.


yang paling selamat, sejahtera, sihat dan ceria.

Dalam hubungan ini, jemaah menteri pada Ogos 2004 telah menggariskan empat matlamat utama dalam mewujudkan bandar selamat iaitu:

1. Bandar yang bebas daripada keganasan, merosakkan harta benda dan nyawa seperti gejala ragut, pecah rumah, kecurian dan sebagainya.
2. Bandar yang bebas daripada kemusnahan dan malapetaka ekoran bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.
3. Bandar yang bebas daripada kemerosotan sosial dan moral, seperti penagihan dadah, sepi, jenayah kolar putih, rasuah, salah guna kuasa, hilang integriti dan sebagainya.
4. Bandar yang bebas daripada kemalangan dalam dan luar bangunan seperti kemalangan jalan raya, jatuh dari bangunan, kebakaran dan sebagainya.

Bagi mencapai matlamat ini lima langkah segera telah dicadangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) agar dilaksanakan iaitu:

1. Pengasingan laluan pejalan kaki dengan jalan bermotor.
2. Penyediaan pagar.
3. Mencuci kawasan-kawasan semak dan terlindung.
4. Laluan awam tidak terlindung atau terhalang dari pandangan awam.
5. Mencahayakan kawasan-kawasan gelap yang menjadi sasaran atau tumpuan penjenayah.



Skop pelaksanaan program 'Bandar Selamat' tertumpu kepada matlamat yang pertama, iaitu tindakan yang menjurus kepada pencegahan jenayah khususnya pencegahan jenayah harta benda dan nyawa di kawasan bandar-bandar utama.